



**SMK RAJA MUDA MUSA  
45600, BESTARI JAYA**

**KERTAS KERJA**

---

**PROGRAM PEMBANGUNAN SEMULA  
SURAU AL FALAH SMK RAJA MUDA MUSA  
2016**

---

**OLEH:  
PANITIA PENDIDIKAN ISLAM  
SMK RAJA MUDA MUSA**

## **1.0 NAMA PROGRAM**

Program Pembangunan Semula Surau Al Falah, SMK Raja Muda Musa

## **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Surau al-Falah, SMK Raja Muda Musa merupakan tempat pelbagai aktiviti sekolah dan daerah diadakan samada dari segi akademik atau ko kurikulum selain daripada solat yang memang sebagai fungsi asalnya. Dari segi akademik surau ini digunakan oleh guru dan pelajar untuk aktiviti amali, sebagai kelas jika terdapat acara sekolah yang memerlukan kelas maka pelajar dan guru akan bergerak ke surau untuk meneruskan pengajaran dan pembelajaran. Aktiviti persatuan dan acara tahunan iaitu ceramah, solat hajat, qiamullail, Iftar jama'i, solat terawih, tadarus Al Quran dan Khatam Al-Quran yang diadakan sekurang-kurangnya sekali setahun.
- 2.2 *Perubahan struktur bumi sejak akhir-akhir ini kesan daripada gempa bumi, tsunami dan sebagainya telah menyebabkan perubahan arah KIBLAT Surau Al-Falah sebanyak 7 darjah daripada arah asal. Sehubungan dengan itu, pembangunan semula surau ini perlu dilakukan di samping memenuhi keperluan bilangan murid yang semakin bertambah.*
- 2.3 Aspek keselesaan kepada semua warga sekolah merupakan satu elemen terpenting dalam kemenjadian seseorang pelajar. Aspek keselesaan yang disokong oleh aspek kebersihan dapat meningkatkan motivasi dan daya usaha semua orang sama ada dalam kalangan murid , guru dan staf sokongan.

## **3.0 RASIONAL**

- 3.1 SMK Raja Muda Musa mempunyai sejumlah 1,513 orang murid pada sesi 2016 dan jumlahnya dijangka meningkat pada tahun-tahun berikutnya. Daripada jumlah tersebut, murid Islam yang menggunakan surau untuk pelbagai aktiviti keagamaan pula berjumlah 1,200 orang murid.
- 3.2 Sehubungan dengan itu, surau sedia ada perlu dibangunkan semula untuk menampung keperluan murid yang semakin bertambah di samping mengubah arah KIBLAT yang berganjak sebanyak 7 darjah.

- 3.3 Surau Al-Falah hanya mampu menampung sejumlah 300 orang murid pada satu-satu masa perlu dibangunkan kepada bangunan DUA tingkat untuk menampung ruang yang sempit kerana tapak surau yang terhad.
- 3.4 Pembangunan semula surau kepada DUA tingkat mampu menampung keperluan bilangan murid lelaki dan perempuan kerana murid perempuan akan ditempatkan di ruang solat di tingkat atas dan murid lelaki ditempat di ruang solat tingkat bawah.

#### **4.0 MATLAMAT**

- 4.1 Membangunkan semula surau Al-Falah kepada DUA tingkat untuk menampung keperluan dan mengubah arah KIBLAT kepada arah yang betul berdasarkan panduan yang ditetapkan oleh Jabatan Agama Islam.
- 4.2 Memberi keselesaan kepada warga sekolah untuk berasa seronok berada di Surau dan seterusnya meningkatkan motivasi untuk menunaikan ibadat dalam keadaan khusuk dan bersungguh-sungguh.
- 4.3 Membentuk jiwa dan nurani murid kepada cinta akan agama dan dapat membentuk keperibadian Islam dalam kalangan murid SMK Raja Muda Musa.

#### **4.0 OBJEKTIF :**

- 4.1 Memberi keselesaan kepada pelajar dan guru untuk aktiviti PdP dan amali solat;
- 4.2 Menimbulkan rasa seronok ketika menjalani sebarang aktiviti di surau;
- 4.3 Mewujudkan suasana yang kondusif dan tenang ketika melakukan amal ibadat;
- 4.4 Menampung jumlah pelajar yang semakin bertambah dari tahun ke tahun;

#### **5.0 TEMPOH PROGRAM**

- 5.1 Tempoh pelaksanaan program ini adalah dari bulan Januari 2016 hingga Januarai 2017

## **6.0 CADANGAN AKTIVITI YANG AKAN DIJALANKAN**

Antara program yang dijalankan bagi memenuhi matlamat dan objektif yang ditetapkan ialah;

- 6.1. Membangunkan semula Surau Al-Falah kepada bangunan DUA tingkat
- 6.2. Membina kolah dan tempat wudhuk murid lelaki dan perempuan
- 6.3. Melengkapkan dan Memasang alat Pendingin Hawa di dalam surau;
- 6.4. Memasang kipas di beranda surau;

## **7.0 SASARAN**

- 1.1. Pembinaan bangunan baharu Surau Al-Falah daripada bangunan Satu tingkat kepada Bangunan DUA Tingkat.

## **8.0 IMPLIKASI KEWANGAN**

- 8.1 Anggaran kos kerja-kerja naiktaraf surau yang diperlukan adalah seperti yang tertera dalam jadual di bawah;

BIL	BUTIRAN KERJA	UNIT	KUANTITI	KADAR	HARGA
1.	Dokumentasi	-	1	H/Pukal	12,000.00
2.	<b><u>KERJA PEMBINAAN BANGUNAN SURAU DARI SATU TINGKAT KEPADА DUA TINGKAT</u></b>				
1.	Kerja meroboh bangunan surau asal	Bil.	1	1	20,000.00
2.	Kerja membina bangunan surau yang baharu kepada DUA tingkat	Bil. 50' X 80' kaki	4,000 kaki persegi	RM65.00 sekaki persegi	260,000.00
3.	Kerja pendawaian elektrik	Bil	Pukal (50 points)	RM45.00 satu point + 3 Phase (RM1,500.00)	RM3,750.00
4.	Kerja pemasangan paip dan saluran air	Bil	Pukal	RM4,000.00	RM4,000.00
5.	Kerja Pemasangan kelengkapan alat pendingin hawa	Bil	5 unit (RM2,300.00) seunit	RM2,300.00 seunit	RM11,500.00
	<b>Jumlah Keseluruhan</b>				<b>RM311,250.00</b>

## 9.0 SUMBER KEWANGAN

Sumber kewangan yang digunakan bagi tujuan pelaksanaan program ini diperolehi daripada ;

- 9.1. sumbangan awam
- 9.2. sumbangan wang pihak zakat
- 9.3. Sumber-sumber lain

## **10.0 PENUTUP**

10.1. Memenuhi matlamat dan aspirasi sebagaimana yang terkandung dalam PPPM (2013-2025), pihak sekolah sentiasa menitikberatkan aspek kemudahan fizikal sekolah supaya sentiasa berada dalam keadaan yang baik dan berfungsi sepenuhnya. Oleh itu, analisis keperluan dan penggunaan kemudahan sekolah sentiasa dilaksanakan oleh pihak sekolah untuk menambah baik bagi setiap kemudahan fizikal yang ada agar dapat digunakan sepenuhnya oleh setiap warga sekolah.

10.2. Namun kerja-kerja penyelenggaraan ini memerlukan kos kewangan yang tinggi. Oleh itu pihak sekolah hanya menentukan baik pulih yang benar-benar memerlukan sahaja (sebagaimana dinyatakan di atas) yang akan dilaksanakan. Pada masa yang sama, pihak sekolah sentiasa mengingatkan semua warganya agar melaksanakan perbelanjaan secara berhemah dan berjimat cermat serta berhati-hati semasa menggunakan semua kemudahan yang terdapat di surau sekolah.

## **11.0 ULASAN (PIHAK BERKENAAN)**

---

---

---

Disediakan;

  
**(WAN FARIDAH BT WAN HASAN)**  
Ketua Panitia Pendidikan Islam  
SMK Raja Muda Musa

Disemak;

  
**(MAZZAM BIN ABU BAKAR)**  
Ketua Bidang Kemanusiaan  
SMK Raja Muda Musa

Disahkan;

  
**(AZMI BIN MISRON)**  
Pengetua  
SMK Raja Muda Musa

